

PLANMalaysia



Sempena Program Publisiti & Penyertaan Awam
DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KULIM
5 Mac 2018 - 5 April 2018

2035

DRAF
Rancangan Tempatan Daerah
KULIM
2035



PLANMalaysia

TPr Hajah Rokibah binti Abdul Latif
Ketua Pengarah PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

Dalam usaha kerajaan Malaysia berupaya memenuhi keperluan rakyat untuk masa hadapan, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman melalui PLANMalaysia@Kedah (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah) dan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menyediakan draf Rancangan Tempatan Daerah Kulim 2035 (Penggantian).

Draf Rancangan Tempatan ini, merupakan pelan strategi pembangunan ruang fizikal bagi Daerah Kulim untuk tempoh perancangan sehingga tahun 2035.

Draf ini telah disediakan sejak tahun 2017 berdasarkan peruntukan Seksyen 16(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) bagi mengawal dan merancang pembangunan di daerah ini sehingga tempoh 2035.

Draf RT Daerah Kulim 2035 telah sedia untuk dipamer kepada awam selama sebulan, melalui Program Publisiti dan

Penyertaan Awam yang bermula 5 Mac 2018 sehingga 5 April 2018 jam 9 pagi hingga 4.30 petang setiap hari bekerja di pejabat MPKK sebelum ia diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sebagai dokumen perancangan yang sah dari sudut perundungan Malaysia.

Orang awam
dijemput hadir ke
Program Publisiti dan
Penyertaan Awam
Draf Rancangan
Tempatan Daerah
Kulim 2035

5 MAC - 5 APRIL 2018
9.00 PAGI—4.30 PETANG

"Anda dijemput untuk membuat pemeriksaan laporan dan mengemukakan pandangan atau bantahan berkenaan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kulim 2035 di :

RUANG LEGAR
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
PBT TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM
KULIM CENTRAL
PLANMALAYSIA@KEDAH



KULIM

Daerah Tekno - Eko - Pintar DI WILAYAH KORIDOR UTARA

Draf Rancangan Tempatan Daerah Kulim 2035 yang dipamerkan, menterjemahkan dasar nasional dan negeri yang fokus untuk merekaya pertumbuhan ekonomi, peningkatan kesejahteraan bandar dan mengarus perdana pengurusan sumber asli dan alam sekitar kepada bentuk ruang fizikal daerah yang lebih terperinci.

Setiap sumber asli dan alam sekitar dalam Daerah Kulim dinilai dengan terperinci untuk mengenal pasti keupayaan dan kesediaannya menterjemahkan polisi-polisi di peringkat strategik, agar tindakan pembangunan berdaya laksana dapat dirangka dengan tersusun.

Berdasarkan kajian, Daerah Kulim adalah daerah yang mempunyai sumber asli dan alam sekitar yang unik. Sumber-sumber berkenaan diperkasakan sebaik mungkin untuk memberi manfaat pertumbuhan sosio ekonomi yang berdaya saing dan berupaya menampung pertambahan penduduk yang diunjurkan seramai 600,000 orang menjelang tahun 2035.

Selaras dengan polisi-polisi di peringkat strategik dan kesediaan sumber asli dan alam sekitar, fokus pembangunan Daerah Kulim adalah berdasarkan industri impak tinggi dengan visi untuk menjadikan Kulim sebagai Bandaraya Tekno-Eko-Pintar menjelang tahun 2035.

Bagi mencapai visi berkenaan, antara fokus strategi-strategi Draf Rancangan Tempatan Daerah Kulim 2035 adalah :

- ▶ Perancangan spatial dan infrastruktur bersepadu Fokus kepada pembangunan bandar kompak dan rendah karbon, perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien, ketersediaan infrastruktur teknologi maklumat dan pengurusan sisa pepejal bersepadu.

- ▶ Ekonomi berdaya tahan dan berdaya saing Fokus memperkuatkhan Kulim Hi-Tech Park sebagai Taman Teknologi Utama negara dan industri agro hi-tech di Junjung, Padang Serai, Sungai Kob dan Mahang. Pembangunan industri hijau disokong dengan infrastruktur ladang agrosolar di Mahang.

- ▶ Persekutuan mampan dan kondusif Melibatkan pemeliharaan khazanah semula jadi, pengurusan sumber dengan efisien, memperkasakan imej dan pengindahan pusat bandar bagi mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat dan selesa bagi menyokong keperluan pembinaan komuniti tempatan yang sejahtera dan inklusif.

- ▶ Komuniti sejahtera dan inklusif Menyokong usaha kerajaan untuk mewujudkan persekitaran daerah yang berdaya huni dan berupaya menampung keperluan penyediaan rumah mampu milik yang berkualiti dan mencukupi, serta dilengkapi kemudahan awam yang berupaya mewujudkan persekitaran petempatan yang terjamin selesa dan selamat untuk didiami.

INFO UTAMA



Zon Tepubina

- 2016 - 8,987.89 hektar
- 2035 - 25,445.68 hektar



Demografi

- 2016 - 281,260 orang
- 2035 - 600,000 orang



“
VISI
2035

Daerah Kulim sebagai
daerah teknolo - eko - pintar
melalui pembangunan
spatial bersepadu, ekonomi
berdaya tahan dengan
persekitaran mampan
menjelang tahun 2035.



Haji Rohaizad bin Rashid
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim

